

bah

Mahathir - Inflasi

LANGKAWI, 15 Ogos (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata, rakyat perlu mengurangkan permintaan terhadap barang-barang import bagi membendung inflasi.

Perdana Menteri berkata jika rakyat suka membeli barangan import yang +mengandungi inflasi+ di luar negeri, kesan inflasi itu akan turut dibawa masuk ke negara ini.

+Yang penting sekali ialah rakyat mesti sanggup tidak membeli barang-barang yang naik harga. dan dengan itu barang-barang tidak akan naik harga.+ katanya semasa diminta mengulas langkah Bank Negara mengawal inflasi dengan memperkenalkan dua pakej kewangan semalam.

Langkah itu termasuk mengenakan syarat-syarat lebih ketat ke atas bank; institusi kewangan dan bank perdagangan berhubung pinjaman sewa-beli kenderaan.

+Kalau kita ada duit cukup, kita beli...kalau kita tak ada duit cukup, kita tak beli. Kalau ada orang yang jual mahal, kita jangan beli, kita cari tempat yang kurang mahal,+ katanya. -- Lagi

♥15/08/18-48MST

bah

Mahathir - Inflasi 2 Langkawi

Datuk Seri Dr Mahathir menasihati rakyat supaya jangan membeli barang yang tidak perlu kerana dengan cara itu harga barang akan turun.

Katanya, walaupun kerajaan akan memainkan peranan untuk mengawal inflasi tetapi orang ramai juga boleh membantu.

Apabila ditanya sama ada langkah Bank Negara itu akan menjejaskan jualan Proton Saga, beliau berkata, +Kita tak hendak orang beli Proton Saga sehingga berhutang beribu-ribu juta...mungkin Proton Saga yang laku tetapi jika inflasi berlaku, kita akan kerugian pada keseluruhannya.+

Perdana Menteri berkata, kerajaan mesti mengutamakan kepentingan ramai dan bukan satu badan sahaja.

+Kalau kita mengadakan terlampau banyak sewa beli dengan bayaran yang murah dan jangka untuk membayar balik begitu panjang, lebih banyak orang yang tak mampu membeli (kereta),+ kata beliau.

Katanya keadaan itu juga akan menyebabkan permintaan yang tinggi terhadap kenderaan dan inflasi akan meningkat. -- Bernama

♥15/08/18-54MST